

on 22 May 2014

UNIMAS Berjaya Anjur Kolokium Sains Pembelajaran Ke-3



Kota Samarahan, 22 Mei 2014 : Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) UNIMAS telah berjaya menganjurkan Kolokium Sains Pembelajaran Ke-3 selama dua hari dan tamat pada hari kelmarin.

Kolokium berkenaan yang bertemakan Evolusi Pembelajaran itu telah diadakan di Pusat Islam Tun Abang Salahuddin (PITAS) UNIMAS.

Perasmian penutupan kolokium tersebut telah dilakukan oleh Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak, Datuk Hajah Fatimah Abdullah.

Sebanyak lima belas kertas kerja telah dibentangkan sepanjang kolokium berlangsung yang kebanyakannya menyentuh mengenai pengajaran dan pembelajaran di sekolah, aplikasi 'FROG Virtual Learning Environment' dan sebagainya.

Hadir sama pada majlis penutupan ialah Timbalan Naib Canselor UNIMAS (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Dr Kopli Bujang, Dekan FSKPM, Profesor Madya Dr Shahren Ahmad Zaidi Aduce, para pensyarah dan pelajar UNIMAS.

Dalam ucapan Profesor Dr Kopli beliau memberitahu pembelajaran sains melibatkan sains kognitif, sains komputer, linguistik, psikologi, sosiologi, antropologi dan sebagainya.

Beliau menyatakan UNIMAS berbangga kerana FSKPM menjadi institut pertama di rantau Asia Timur-Selatan yang menawarkan program kerja kursus pasca siswazah untuk bidang tersebut sejak tahun 2012 lagi.

“ Barisan pelajar yang pertama untuk program ini akan menamatkan pengajian mereka tidak lama lagi, ” katanya.

Di hujung majlis tersebut, turut diadakan majlis penghargaan dan pemotongan kek kepada Datuk Hajah Fatimah Abdullah sempena Perayaan Hari Guru yang telah disambut pada 16 Mei lepas.

Artikel oleh Sarena Haidir || Foto oleh : Bujang Mohamad || Bahagian Perancangan & Komunikasi Korporat